



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## **Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester II, Sesi Akademik 2015/2016**

### **Kertas Soalan Peperiksaan**

**Kod Kursus** : SP 5304  
**Nama Kursus** : Undang-Undang Keterangan Islam  
**Peringkat Kursus** : Diploma  
**Masa** : 3 jam

**Nota :**  
Jawab semua soalan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**SOALAN 1 (12.5 Markah)**

1. Di antara syarat orang yang berikrar ialah berakal dan baligh. Sila jelaskan syarat ini dalam Fiqh Islam dan kewujudannya dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah 2001.

(6.5 markah)

2. Jelaskan bilakah Ikrar dalam kes zina boleh ditarik balik dan nyatakan akibatnya dari segi fiqh dan perundangan di Brunei Darussalam menerusi Akta Keterangan Mahkamah Syariah 2001.

(6 markah)

**SOALAN 2 (12.5 Markah)**

1. Sila berikan satu (1) contoh mengenai kes *li'an* dalam perundangan Islam yang boleh diistinbaskan dalam memperakui keterangan pakar. Sila jelaskan kes tersebut dengan dalil.

(6.5 markah)

2. Bagi mensabitkan sesuatu kes, keterangan dan pemberian bukti mesti mencapai tahap yang yakin. Sila jelaskan tiga (3) jenis tahap “tidak pasti” dengan memberikan contoh bagi setiap jenis tersebut.

(6 markah)

**SOALAN 3 (12.5 Markah)**

1. Ulama mazhab telah berselisih pendapat sama ada seorang hakim boleh menggunakan pengetahuan dan maklumat yang diperolehinya di luar mahkamah kerana sifatnya sebagai manusia biasa. Sila huraikan pendapat tersebut berserta dalil.

(6.5 markah)

2. Ulama mazhab berbeza pendapat berhubung dengan pensabitan melalui sumpah seorang saksi lelaki dan sumpah oleh orang yang menuntut atau mendakwa. Sila jelaskan pendapat tersebut berserta dalil.

(6 markah)

**SOALAN 4 (12.5 Markah)**

Halimah menerima sepucuk surat daripada suaminya yang berada di luar negara dan di dalam surat tersebut dinyatakan bahawa suaminya ingin menceraikan beliau. Surat tersebut ditulis dengan menggunakan komputer dan ditandatangani secara elektronik. Bagaimana Undang-Undang Keterangan Islam menyelesaikan perkara ini?

(12.5 markah)

بالتوفيق والنجاح